

PERANAN PERAK MAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN

TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG, PERAK

MUHAMMAD HAIKAL BIN NOR AZMI

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan

Kepujian

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERANAN PERAK MAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN
TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG, PERAK**

DISEDIAKAN OLEH: MUHAMMAD HAIKAL BIN NOR AZMI

**Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan**

Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

JEFF GOOI LIANG JUN
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

.....
MUHAMMAD HAIKAL BIN NOR AZMI

.....
ENCIK GOOI LIANG JUN

Tarikh: 20/2/2023

Tarikh: 20/2/2023

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan/sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature

Signature of Supervisor



JEFF GOOI LIANG JUN
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

.....
MUHAMMAD HAIKAL BIN NOR AZMI

.....
ENCIK GOOI LIANG JUN

Date: 20/2/2023

Date: 20/2/2023

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih dan segulung penghargaan saya ucapkan kepada pensyarah projek saya iaitu Encik Gooi Liang Jun yang telah banyak memberi bimbingan dan nasihat serta tunjuk ajar kepada saya sepanjang proses untuk menyiapkan projek ini dengan penuh kesabaran sehingga saya berjaya menyiapkan projek ini.

Dalam kesempatan ini, tidak lupa juga kepada seluruh keluarga saya terutamanya kepada ibu bapa saya iaitu Encik Nor Azmi bin Saad dan Salmi Binti Abu Hassan yang banyak memerikan sokongan yang kuat sepanjang kajian ini dijalankan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan serpejuangan saya secara langsung atau tidak langsung kerana telah menyumbangkan idea-idea dan memberi tunjuk ajar sepanjang kajian ini dilaksanakan. Segala tunjuk ajar yang telah diberikan amat saya hargai.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| PERAKUAN STATUS TESIS | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ISI KANDUNGAN | ii-vii |
| ABSTRAK | viii-ix |
| SENARAI RAJAH | x |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.0 PENGENALAN | 1-2 |
| 1.1 LATAR BELAKANG | 3 |
| 1.2 PERMASALAHAN | 4 |
| 1.3 PERSOALAN | 4 |
| 1.4 OBJEKTIF | 4 |
| 1.5 SKOP KAJIAN | 4-5 |
| 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN | 5 |
| 1.7 RUMUSAN | 6 |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.0 PENGENALAN | 7 |
| 2.1 DEFINISI ISTILAH | 7-6 |
| 2.2 SEJARAH PERAK MAN | 8-10 |
| 2.3 PERANAN RANGKA PERAK MAN | 10 |
| 2.4 KEPENTINGAN IKON DALAM MENJANA | 10-11 |
| INDUSTRI PELANCONGAN | |
| 2.5 STRATEGI PROMOSI | 12-13 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | |
|---|--------------|
| 3.0 PENGENALAN | 14 |
| 3.1 REKA BENTUK KAJIAN | 14-16 |
| 3.2 PENGUMPULAN KAJIAN | |
| 3.2.1 PEMERHATIAN | 16 |
| 3.2.2 PENYEDIAAN SOAL SELIDIK | 17 |
| 3.2.3 TEMU BUAL | 17 |
| 3.3 PERSAMPELAN KAJIAN | 17-18 |
| 3.4 PENGENALPASTIAN SAMPEL | 19 |
| 3.5 RUMUSAN | 20 |
| BAB 4 - KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN | |
| 4.0 PENGENALAN | 21 |
| 4.1 MENEGENAL PASTI PERANAN PERAK MAN | 21-22 |
| 4.1.1 BILANGAN RESPONDEN MENGIKUT PERINGKAT UMUR | 23-24 |
| 4.1.2 BILANGAN RESPONDEN BERDASARKAN JANTINA | 25 |
| 4.1.3 BILANGAN RESPONDEN MENGIKUT BANGSA | 26 |
| 4.1.4 BILANGAN RESPONDEN MENGIKUT PEKERJAAN | 27 |
| 4.1.5 TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG MERUPAKAN TAPAK ARKEOLOGI YANG TERBAIK DI MALAYSIA | 28-29 |

| | |
|--|-----------|
| 4.1.6 TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG MERUPAKAN TAPAK ARKEOLOGI YAN PATUT DIKUNJUNGI | 30 |
| 4.1.7 TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG AMAT MENARIK UNTUK DIKUNJUNGI | 31 |
| 4.1.8 TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG AMAT DIKENALI RAMAI | 32 |
| 4.1.9 TAPAK ARKEOLOGI MEMPUNYAI BANYAK ARTIFAK YANG MENARIK | 33 |
| 4.1.10 KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG AMAT MEMUASKAN | 34 |
| 4.1.11 KEDUDUKAN KAWASAN TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG SANGAT STRATEGI | 35 |
| 4.1.12 TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG MENYEDIAKAN DETAIL ARTIFAK SECARA TERPERINCI | 36 |
| 4.1.13 ARTIFAK YANG TERDAPAT DI TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG DIJAGA DAN DISIMPAN DENGAN RAPI | 37 |

| | |
|---|-----------|
| 4.1.14 TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG PERLU MEMPUNYAI BANYAK PROMOSI UNTUK MENARIK LAGI MINAT PELANCONG UNTUK MELAWAT TAPAK ARKEOLOGI | 38 |
| 4.1.15 ARTIFAK TULANG DAPAT MEMBERIKAN INFORMASI YANG SANGAT BERMANFAAT UNTUK MASYARAKAT | 39 |
| 4.1.16 TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG MEMPUNYAI BANYAK ARTIFAK TULANG YANG MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG BERMANFAAT UNTUK MASYARAKAT DAN PENGUNJUNG YANG HADIR | 40 |
| 4.1.17 ADAKAH TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG WAJAR MEMPUNYAI SATU IMEJ | 41 |
| 4.1.18 RANGKA PERAK MAN MERUPAKAN DAYA TARIKAN UTAMA PELANCONG DI TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG | 42 |
| 4.1.19 RANGKA PERAK MAN MERUPAKAN RANGKA YANG SANGAT DIKENALI DI TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG | 43 |
| 4.1.20 RANGKA PERAK MAN MERUPAKAN ARTIFAK YANG SANGAT BERNILAI | 44 |
| 4.1.21 RANGKA PERAK MAN PERLU DIPROMOSIKAN LEBIH LUAS | 45 |

UNTUK PENGETAHUAN MASYARAKAT**4.1.22 ADAKAH ARTIFAK BAGI SESEBUAH TAPAK ARKEOLOGI 46****DAPAT MENARIK MINAT PELANCONG****4.1.23 RANGKA PERAK MAN DAPAT MEMBERIKAN IMPAK YANG 47-48****POSITIF SEGI PELANCONGAN DI TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG****4.1.24 PERAK MAN WAJAR DIANGKAT SEBAGAI IMEJ YANG BOLEH 48-49****MENINGKATKAN INDUSTRI PERLANCONGANTAPAK ARKEOLOGI LEMBAH
LENGGONG****4.2 MENGENALPASTI STRATEGI PROMOSI WARISAN ARKEOLOGI 50-51****BAB 5 - RUMUSAN DAN CADANGAN****5.1 RUMUSAN 52****5.2 CADANGAN 53-54****6.0 RUJUKAN 55****7.0 LAMPIRAN 56-68**

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Projek ini dilakukan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang nilai sejarah tulang Perak Man yang sangat bernilai dan boleh beri manfaat kepada mereka. Rangka Perak Man merupakan rangka yang sangat unik kerana boleh dikatakan rangka Perak Man merupakan rangka yang hampir sempurna. Masyarakat perlulah mengambil kesempatan terhadap keunikan rangka Perak Man ini untuk dijadikan kajian bagi mendapat ilmu yang sangat berguna. Di samping itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti sebesar mana peranan Perak Man dapat menyumbang kepada industri perlancongan di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Objektif kajian ini juga adalah untuk melihat peranan Perak Man bagi peningkatan ekonomi di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Selain itu, objektif kajian ini juga bertujuan untuk merungkai strategi promosi yang telah dilakukan oleh pihak Tapak Arkeologi Lembah Lenggong bagi menarik minat pengunjung hadir untuk melawat tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Akhir kalam, rangka Perak Man haruslah dijaga dengan baik dan rapi agar dapat terus memberi manfaat kepada generasi generasi yang akan datang supaya mereka dapat melihat sendiri keunikan yang terdapat pada manusia purba dahulu.

ABSTRACT

This project aims to bring awareness to the community about the historical value of Perak Man's bones which are very valuable and can benefit them. The Perak Man skeleton is a very unique skeleton because it can be said that the Perak Man skeleton is an almost perfect skeleton. The community needs to take advantage of the uniqueness of this Perak Man skeleton to be used as a study to gain very useful knowledge. In addition, this study was conducted to identify how big a role Perak Man can contribute to the tourism industry at the Lenggong Valley Archaeological Site. The objective of this study is also to see the role of Perak Man for economic improvement in the Lenggong Valley Archaeological Site. In addition, the objective of this study also aims to unravel the promotional strategy that has been carried out by the Lenggong Valley Archaeological Site to attract the interest of visitors to visit the Lenggong Valley Archaeological Site. Finally, the skeleton of Perak Man should be well maintained and neat so that it can continue to benefit the generations to come so that they can see for themselves the uniqueness found in ancient humans.

SENARAI RAJAH

| BIL | HALAMAN |
|---------------------------|---------|
| 3.1.1 PENGUMPULAN DATA | 16 |
| 4.1.1 DEMOGRAFI UMUR | 23 |
| 4.1.2 DEMOGRAFI JANTINA | 25 |
| 4.1.3 DEMOGRAFI BANGSA | 26 |
| 4.1.4 DEMOGRAFI PEKERJAAN | 27 |
| 4.1.5 CARTA PAI | 28 |
| 4.1.6 GRAF BAR | 30 |
| 4.1.7 CARTA PAI | 31 |
| 4.1.8 CARTA PAI | 32 |
| 4.1.9 CARTA PAI | 33 |
| 4.1.10 CARTA PAI | 34 |
| 4.1.11 CARTA PAI | 35 |
| 4.1.12 CARTA PAI | 36 |
| 4.1.13 CARTA PAI | 37 |
| 4.1.14 CARTA PAI | 38 |
| 4.1.15 CARTA PAI | 39 |
| 4.1.16 CARTA PAI | 40 |
| 4.1.17 CARTA PAI | 41 |
| 4.1.18 CARTA PAI | 42 |
| 4.1.19 CARTA PAI | 43 |
| 4.1.20 CARTA PAI | 44 |
| 4.1.21 CARTA PAI | 45 |
| 4.1.22 CARTA PAI | 46 |
| 4.1.23 CARTA PAI | 47 |
| 4.1.24 CARTA PAI | 48 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kajian ini menerangkan tentang peranan perak man dalam industri pelancongan bagi Tapak Arkeologi, Lembah Lenggong, Hulu Perak. Perak Man yang telah dijumpai pada 1991 di dalam Gua Gunung Runtuh terletak di Bukit Kepala Gajah, di Lembah Lenggong, Hulu Perak pada ketinggian lebih kurang 105 meter dari paras laut. Rangka tulang Perak Man ini amat menarik untuk dikaji kerana mempunyai tulang rangka yang begitu unik. Perak Man adalah rangka tulang manusia dari zaman batu era Paleolitik hampir sempurna yang ditemui di Asia Tenggara dan merupakan tulang prasejarah yang mempunyai congenital deformity yang dikenali sebagai Brchymesophalangia. Selain itu, cara perkebumian Perak Man juga sangatlah unik disebabkan struktur tulangnya yang beza dari yang lain. Jasad Perak Man dikebumikan dengan posisi "foetal", iaitu kedua kakinya berlipat ke arah dada dengan tangannya memegang beberapa jenis daging. Ia dikebumikan dengan beberapa peralatan batu dan beribu-ribu kerang sungai. Kedudukan perkebumian dan peralatan yang diletakkan ketika perkebumian Perak Man dikaitkan dengan kepercayaan bahawa Orang Perak merupakan ahli penting bagi puaknya.

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong yang terletak di Hulu Perak, Perak merupakan Kawasan yang disaliri oleh Sungai Lenggong dan ranting sungainya. Tapak Arkeologi Lembah Lenggong berada di Gerik berkedudukan kira-kira 80 kilometer (km) dari bandar raya Ipoh. Banyak bukti prasejarah hasil kajian dilakukan di Lembah Lenggong sejak 30 tahun lalu itu membolehkan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)ewartakan warisan arkeologi ditemui sebagai satu daripada Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012. Di lembah ini terdapat begitu banyak gunung batu kapur yang menyembunyikan sebuah lagi rahsia iaitu gua. Gua ini pula kemungkinan dijadikan sebagai penempatan manusia prasejarah beribu-ribu tahun lalu dan ia amat penting sebagai rujukan pengkaji sejarah selain beberapa barangan purba turut ditemui. Di sinilah

tersimpannya habitat tertua manusia di semenanjung selain membongkar keindahan kawasan perkampungan penduduk dengan kewujudan desa-desa, dusun buah-buahan dan rimbunan pepohon yang meliputi kawasan ini. Penerokaan Lembah Lenggong pula penting kepada pengkaji sejarah yang mahu membongkar bukti-bukti sahih penempatan awal manusia sebagaimana rangka manusia pertama, Perak Man. Mereka menemui rangka-rangka dan tengkorak manusia berusia 11,000 tahun pada 1991. Lembah Lenggong menjadi penting kerana pelbagai artifak sejarah ditemui di sini seperti Perak Man. Kawasan ini merupakan kawasan tempat tinggal manusia yang paling awal yang diketahui di Semenanjung Malaysia.

Orang Perak atau julukannya Perak Man merupakan rangka manusia yang tertua yang dijumpai di Malaysia. Perak Man dipercayai dilahirkan lebih 10,000 tahun lalu dalam keadaan cacat dan badannya agak pendek. Bahagian atas kiri badan Perak Man menunjukkan bukti kecacatan anggota badan yang berpanjangan dan mungkin sebahagiannya lumpuh. Pergelangan tangan kiri dan keseluruhan tangan juga cacat. Kecacatan yang terdapat pada rangka Perak Man ini membuatkan rangka Perak Man ini menjadi menarik untuk dikaji. Kajian terhadap rangka Perak Man ini telah memberikan banyak ilmu pengetahuan baru terhadap kecacatan yang dimiliki oleh Perak Man. Hal ini akan memberikan impak yang baik terhadap ilmu sains berkenaan tulang terhadap negara Malaysia. Oleh sebab itu, rangka Perak Man ini harus diketengahkan dan dijadikan imej bagi Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak agar dapat memberikan ilmu pengetahuan yang bermanfaat terhadap masyarakat. Masyarakat bukan sahaja dapat mengetahui tentang sejarah manusia pada era paleolitik dahulu malah mereka juga dapat mengambil ilmu pengetahuan tentang kajian yang dijalankan kepada rangka Perak Man ini. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan impak yang positif terhadap negara Malaysia.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian dijalankan kerana masyarakat kurang mengambil berat terhadap rangka Perak Man yang banyak memberi manfaat kepada ilmu sains. Rangka Perak Man banyak memberi ilmu berkenaan ilmu tulang yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat Malaysia. Rangka Perak Man merupakan satu artifak yang amat unik dan amat jarang ditemui. Banyak proses yang telah dibuat bagi mengekalkan rangka Perak Man ini sehingga bertahan sehingga kini. Replika juga sudah banyak dibuat berkenaan rangka Perak Man agar dapat didedahkan kepada seluruh masyarakat. Masyarakat perlulah memanfaatkan usaha yang telah dibuat oleh para pengkaji untuk mengekalkan rangka Perak Man ini agar dapat memberi ilmu pengetahuan kepada generasi yang akan datang. Oleh itu, rangka Perak Man ini haruslah diangkat sebagai ikon untuk Tapak Arkeologi Lembah Lenggong berbanding artifak yang lain kerana rangka Perak Man ini mempunyai nilai sejarah yang sangat berharga dan banyak ilmu yang bermanfaat yang boleh diperolehi daripada rangka Perak Man ini. Bukan sahaja ilmu dari segi sejarah malahan ilmu dari segi sains juga amat banyak boleh diperolehi terutamanya berkenaan tulang. Sehubungan itu, amat wajarlah tulang Perak Man diangkat menjadi ikon Lembah Lenggong, Perak.

1.2 PERMASALAHAN

Masyarakat kurang mengambil tahu tentang nilai sejarah yang terdapat pada rangka Perak Man yang banyak memberi ilmu yang bermanfaat. Masalah ini menyebabkan pengunjung kurang berminat untuk mengunjungi Galeri Arkeologi Lembah Lenggong.

1.3 PERSOALAN

- i. Apakah peranan Perak Man di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong dalam peningkatan ekonomi tempatan.
- ii. Apakah strategi promosi yang digunakan untuk mempromosikan rangka Perak Man.

1.4 OBJEKTIF

- i. Mengenalpasti peranan Perak Man di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong dalam peningkatan ekonomi
- ii. Mengenalpasti strategi promosi warisan arkeologi yang terdapat di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Hulu Perak

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian dilakukan menjurus kepada masyarakat yang berada di kawan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Hulu Perak. Kajian ini dijalankan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat setempat berkenaan dengan Perak Man yang berada di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Masyarakat setempat jarang mengambil tahu tentang kewujudan rangka Perak Man yang terdapat pada Tapak

Arkeologi Lembah Lenggong. Rangka Perak Man mengandungi banyak ilmu yang pengetahuan yang boleh dipelajari sebagai ilmu pengetahuan. Skop kajian ini tertumpu kepada cara-cara yang berkesan bagi mengangkat rangka Perak Man sebagai imej bagi Tapak Arkeologi Lembah Lenggong.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat terhadap kepentingan yang terdapat pada rangka Perak Man dan dapat menambah baik industri pelancongan di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.. Banyak kaedah pemasaran yang telah dibuat untuk mengangkat Tulang Perak Man agar dikenali di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Antaranya, membuat kelas pendidikan di tapak arkeologi yang mengaitkan prasekolah hingga kolej. Sesi ini membolehkan pelajar belajar cara "membaca" rangka. Pelbagai kelas ditawarkan untuk sekolah, jagaan harian dan kumpulan teratur. Daripada "Pengenalan Gigi dan Mata" kepada "Osteologi Forensik," pelajar diberi peluang secara langsung untuk meneroka spesimen dan mengalami sendiri rangka pada tahap yang direka dengan teliti untuk kumpulan umur mereka. Seterusnya, membuat aktiviti yang menyeronokkan di tapak arkeologi bagi membolehkan para pengunjung merasa seronok ketika melawat arkeologi tersebut. Aktiviti ini akan membuat para pengunjung berasa tertarik untuk mengetahui lebih dalam berkenaan dengan rangka Perak Man. seperti aktiviti menyambung rangka atau sebagainya. Hal ini akan menjadikan para pengunjung lebih berfikir dan pikiran mereka akan berkembang.

Secara kesimpulannya, hal ini akan menyebabkan masyarakat lebih ingin mengambil tahu tentang sejarah Perak Man yang banyak memberi ilmu khususnya tentang ilmu sains bab tulang. Ilmu ini amat penting agar generasi akan datang mereka dapat menggunakan ilmu bagi tujuan yang tertentu.

1.7 RUMUSAN

Perak Man merupakan satu artifak yang amat unik yang dijumpai pada era paleolitik dahulu. Pelbagai proses yang telah dilakukan untuk memelihara dan memulihara rangka Perak Man ini agar dapat bertahan sehingga kini. Perak Man merupakan artifak yang perlu dijaga hingga generasi yang akan datang. Banyak manfaat yang boleh diperolehi daripada Perak Man ini disebabkan kecacatan yang dimiliki olehnya amat unik dan jarang berlaku. Oleh itu, rangka perak man memainkan peranan yang amat besar dalam industry pelancongan di Tapak Arkeologi Lembah, Lenggong.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Kajian yang telah dilakukan oleh Profesor Zuraina Majid dan pasukannya dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 1990 hingga 1991 telah menemukan kuburan utama rangka manusia yang berusia tahun iaitu rangka Perak Man. Rangka yang ditemui itu telah dinamakan sebagai rangka Perak Man kerana dijumpai di negeri Perak, Malaysia. Penemuan rangkian ini merupakan penemuan yang luar biasa kerana rangka ini merupakan rangka manusia Paleolitik paling lengkap setakat ditemui di Asia Tenggara. Penemuan rangka ini merupakan penemuan rangka yang amat hebat kerana penemuan ini amat sukar ditemui. Hal ini kerana amalan pengebumian Paleolitik dan kecacatan kongenital yang dikenali sebagai Brachymesophalangia Type 2A yang terdapat pada rangka tersebut. Rangka yang hampir lengkap ini telah dijumpai dalam keadaan yang rapuh dan memerlukan konservator yang amat mahir serta saintis forensic untuk mengeluarkan dan memeliharanya dengan baik. Sumbangan dan kepentingan Perak Man amat besar untuk ilmu pengetahuan yang perlu dijaga serta dikekalkan untuk generasi akan datang. Oleh itu, penjagaan khusus telah diberikan untuk memelihara dan memulihara rangka Perak Man agar dapat dijaga dan dikekalkan bagi pengetahuan generasi akan datang. Kertas kerja telah dibuat untuk membentangkan pelbagai langkah yang diambil untuk memelihara dan memulihara rangka Perak Man untuk kajian Panjang, penyimpanan dan paparan.

2.1 DEFINISI ISTILAH

Arkeologi bermaksud kajian asal atau kajian kaji purba. Arkeologi terbahagai kepada dua iaitu archaios dan logos. Archios bermaksud asal, purba atau tua manakala logos membawa maksud kajian. Arkeologi didefinisikan sebagai kajian " maka 'temu bual tentang benda purba atau silam atau kaji purba

yang merupakan satu bidang sains yang melakukan kajian mengenai kebudayaan prasejarah mahupun sejarah sesuatu ketamadunan dengan cara penggalian dan penghuraian kesan-kesan tinggalan baik dari segi barangan mahupun seni bina. ia boleh dianggap satu jurusan sains sosial ataupun suatu bidang kemanusiaan.

Rangka merupakan sistem sokongan kepada organisma. Sistem sokongan ini bertindak sebagai bingkai tubuh yang tegar. Biasanya rangka ini dibina daripada kalsium. Pergerakan ialah kebolehan untuk bergerak daripada suatu tempat ke tempat lain. Sokongan memainkan peranan utama dalam pergerakan yang sempurna. Sokongan yang baik membenarkan organisma bergerak dengan lebih cekap.

2.2 SEJARAH PERAK MAN

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong yang terletak di Hulu Perak, Perak merupakan kawasan yang dialiri oleh Sungai Lenggong dan ranting sungainya. Tapak Arkeologi Lembah Lenggong berada di Gerik berkedudukan kira-kira 80 kilometer (km) dari bandar raya Ipoh. Banyak bukti prasejarah hasil kajian dilakukan di Lembah Lenggong sejak 30 tahun lalu itu membolehkan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mewartakan warisan arkeologi ditemui sebagai satu daripada Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012. Tapak Arkeologi Lembah Lenggong merupakan salah satu tapak arkeologi yang terkenal di Malaysia tetapi tidak mempunyai ikon yang boleh dikaitkan dengan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Perak man merupakan satu artifak yang amat sesuai untuk dijadikan ikon bagi tapak Arkeologi Lembah Lenggong ini kerana Perak Man merupakan satu artifak yang sangat bernilai dan mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Melalui kajian rangka Perak Man terdapat banyak ilmu yang boleh diperolehi terutamanya dari segi ilmu sains yang berkenaan dengan tulang. Rangka perak man juga boleh dijadikan sebagai daya tarikan yang boleh meningkatkan ekonomi tapak arkeologi tersebut.

Perak Man telah ditemui kira-kira 80cm di bawah permukaan lantai gua. Keadaan tanah ketika ditemui berada dalam keadaan kering iaitu hanya 2% kelembapan dan sedikit berakali pada pH 8.15. Iklim

dalam gua ketika menemui Perak Man agak stabil dengan kelembapan relatif suasana purata 89% dalam tempoh seminggu dan suhu berbeza dari 23.5 darjah celcius hingga 24.5 darjah celcius. Kajian menyatakan keadaan yang stabil seperti telah menyebabkan rangka Perak Man dapat bertahan selama lebih 10 000 tahun.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan para pengkaji telah mendedahkan Perak Man meninggal dunia pada usia yang matang iaitu sekitar 40 hingga 45 tahun. Para pengkaji juga telah menyifatkan perkebumian Perak Man telah dilakukan mengikut istiadat kerana Perak Man dikebumikan dalam keadaan bengkok dengan kedua-dua kakinya berlipat ke dada manakala tangan kirinya diletakkan di atas perut dan tangan kanannya di bahu kanannya. Kedua-dua tangannya memegang beberapa ketulan daging. Daging yang dapat dikenalpasti yang terdapat pada perkebumian Perak Man ialah lima jenis daging iaitu daging babi, daging rusa, daging biawak, daging kura-kura dan daging monyet. Kedudukan mayat diletakkan dalam orientasi timur ke barat dengan kepala menghadap ke timur. Terdapat juga beberapa objek yang diletakkan di sekeliling mayat Perak Man iaitu 2878 kerang dan makanan sungai lain serta 10 alat batu. Terdapat juga kulit makanan sungai, *Brotia Costula* dan *Brotia Spinosa* yang ditemui bertaburan di seluruh lantai pengebumian dan dianggarkan tabur di atas mayat Perak Man. Cengkerang besar dipilih untuk diletakkan paling hampir dengan badan.

Sebuah muzium arkeologi di Philadelphia telah membuat penemuan luar biasa di bilik simpanannya sendiri. Rangka manusia berusia 6,500 tahun. Muzium Penn, sebahagian daripada Universiti Pennsylvania, berkata rangka itu dipercayai seorang lelaki sekurang-kurangnya 50 yang tingginya 5 kaki 9 inci (1.75 meter). Kajian ini dilakukan bagi mencari maklumat yang terdapat pada rangka tersebut. Kajian ini juga dilakukan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan pendedahan lebih banyak tentang diet penduduk, tekanan dan asal-usul nenek moyang. Kajian ini dapat membantu masyarakat setempat untuk mengetahui sejarah dan asal usul nenek moyang yang hidup bertahun-tahun dahulu.

Masyarakat akan tertarik untuk mengetahui maklumat nenek moyang mereka yang mereka sendiri tidak pernah bertemu dan lihat.

2.3 PERANAN RANGKA PERAK MAN

Pelbagai pendekatan telah dilakukan termasuk kajian saintifik yang digunakan untuk mengkaji sisa rangka Perak Man. Hasil dari kajian tersebut telah mendedahkan pelbagai maklumat yang menarik mengenai Perak Man. Antara info menarik yang dapat didedahkan adalah Perak Man berumur antara 40 hingga 45 tahun dan tingginya kurang-kurang 154 cm. Perak Man telah dilahirkan dengan kecacatan genetik jarang berlaku yang dikenali sebagai Brachymesopha atau angina. Kecacatan genetik ini dilaporkan kecacatan pertama yang pernah dilaporkan dalam tinggalan prasejarah. Perak Man juga mempunyai metrik tengkorak yang menunjukkan ciri Austromelanesoid. Giginya putih metrik dan anggota mengalirkan pertalian dengan keturunan Australoid.

2.4 KEPENTINGAN IKON DALAM MENJANA INDUSTRI PELANCONGAN

Walaupun kepentingannya peranan ikon dalam landskap pelancongan telah sebahagian besarnya diabaikan oleh penyelidik pelancongan. banyak daripada rujukan kepada ikon yang terdapat dalam kesusasteraan pelancongan merujuk kepada khusus kelas ikon seperti haiwan (Tremblay, 2002) dan ikon yang dipaparkan dalam filem (Busby dan Klug, 2001). Prideaux (2005) memerhatikan bahawa “Ikon mempunyai peranan penting dalam mempromosikan mengalir daripada rakan dua hala tertentu” dan bahawa apa yang boleh dianggap dalam negara sebagai ikon mungkin tidak menerima yang serupa pengiktirafan oleh pelawat antarabangsa. ikon lazimnya merupakan tarikan pelancong utama di destinasi mereka adalah semula jadi atau dibina aset yang diterima secara meluas oleh pengunjung sebagai tarikan pelancong yang penting atau pengalaman “(Pelancongan Australia Barat Suruhanjaya, 2002). Dengan kata lain ikon adalah „tanda tempat yang serta-merta boleh dikenali’ (Smith, dan Casey, 2001) dan selalunya mereka „terkenal kerana mereka terkenal“ (Urry, 1990). Kadang-kadang ciri-ciri lain ikonik capaian destinasi status, contohnya khusus destinasi filem atau individu terkenal yang

berfungsi sebagai rangsangan untuk melawat rantau yang dikaitkan dengan orang ini. Pearce, Morrison, dan Moscardo (2003) menyatakan bahawa ikon pelancong sering digunakan dalam pemasaran untuk objektif kedudukan apabila destinasi menggunakan ciri unik (cth. Grand Canyon) untuk meletakkan dirinya dalam pasaran. mengikut Chacko (1997) kedudukan subjektif pergi selanjutnya dengan menggunakan ikon ini untuk membangkitkan perasaan tertentu, contohnya kagum atau kekaguman. Kesan mereka selalunya ditakrifkan dalam jargon profesional sebagai kesan seperti “Eden Effect” dalam Cornwall, UK (Smyth, 1994) dan „Kesan Guggenheim” di Bilbao, Sepanyol (Vicario dan Monje, 2003, Plaza, 2008).

Ikon pelancong adalah faktor tarikan utama destinasi yang menarik perhatian bakal pelancong. Selama bertahun-tahun New Zealand telah memanfaatkan ikon pelancongan utama seperti Milford Sound, budaya Maori dan tarikan geotermal di Rotorua, gua cacing Waitomoglow dan Mount Cook. Kewujudan ikon pelancong, terutamanya apabila ia tersebar secara geografi, menentukan jadual perjalanan pelancong ke tahap yang besar. Akibatnya ialah penggunaan sumber yang berpotensi besar yang dikaitkan dengan pengangkutan pelancong, kawasan panas tempatan dan ketidakseimbangan wilayah. Kertas kerja ini membincangkan isu-isu ini dalam konteks New Zealand. Kepentingan ikon Keempat-empat kajian mengesahkan kepentingan ikon pelancong, walaupun secara amnya pengendali pelancongan menilai kepentingannya lebih tinggi daripada pelancong itu sendiri. Dalam tinjauan pelancong, sebilangan besar orang yang ditemuduga telah merancang untuk melihat ikon utama Milford Sound dan Rotorua. Tetapi kebanyakan pelancong mempunyai persepsi yang lebih luas tentang apa yang mereka mahu lihat atau lakukan semasa di New Zealand. Sebagai contoh, 'pelancong berkhemah' (untuk analisis penuh jenis pelancong, lihat Becken et al.18) ingin melihat gunung dan glasier atau sub-destinasi tertentu (cth Bay of Islands). Jenis pelancong lain, contohnya 'pelancong kereta sewa' dan 'backpacker', kelihatan lebih tertarik kepada tapak ikonik daripada 'pelancong berkhemah'. Sorotan yang dilaporkan oleh pelancong dalam tinjauan ini hanya kadangkala ikon pelancong (biasanya Milford Sound), tetapi lebih kerap pengalaman peribadi khusus (cth mendaki, berakit dll) atau ciri semula jadi umum, seperti pegunungan, glasier atau hutan hujan.

2.5 STRATEGI PROMOSI

Philip Kotler (1996), mempunyai pandangan berbeza tentang pemasaran. Pemasaran Merupakan satu proses mempromosi dan mengiklan yang dilakukan oleh sebuah organisasi agar segala produk dan perkhidmatan sampai terus kepada pengguna. ‘ American Marketing Association’ mendefinisikan pemasaran merupakan satu proses merancang dan perletakan harga, melaksanakan konsep, pengedaran sesuatu idea, dan promosi, barangan dan perkhidmatan untuk mewujudkan pertukaran yang memenuhi objektif individu dan organisasi.

Menurut Kozak dan Remington (1999), telah menyenaraikan beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan pengurusan tempat dan saing tempat pelancongan iaitu perubahan pasaran, sosio-ekonomi permintaan pelancongan, kematangan destinasi, kemudahan pasaran(fasiliti dan jarak), psikologi pengguna, pengaruh kepuasan pelancong, pemasaran dan persepsi terhadap tempat, kos dan harga, kegunaan teknologi komunikasi,kualiti perkhidmatan dan kualitas sumber persekitaran.

Resolusi Presiden Republik Uzbekistan Shavkat Mirziyoyev bertarikh 31 Mei, 2017 "Mengenai langkah untuk memajukan lagi dan meningkatkan sfera budaya dan seni", Dekri 26 Mei 2020 "Mengenai langkah untuk meningkatkan lagi peranan dan pengaruh budaya dan seni dalam masyarakat" menjadi garis panduan penting untuk penambahbaikan lagi aktivitinya. ini dokumen bertujuan untuk mengatur kerja-kerja muzium di peringkat yang lebih tinggi, untuk membina semula membina dan mengukuhkan bahannya dan asas teknikal, untuk mengekalkan koleksi unik artifak yang tidak ternilai, arkeologi, etnografi, seni halus dan gunaan, untuk meneruskannya ke masa hadapan generasi. Juga, perenggan 3.2 Tindakan Strategi untuk lima bidang keutamaan pembangunan Republik Uzbekistan untuk 2017-2021, yang dicadangkan oleh Presiden Republik Uzbekistan, menyatakan kepentingan “Pembangunan sektor perkhidmatan dipercepatkan, meningkatkan peranan dan bahagian perkhidmatan dalam KDNK, mengubah struktur perkhidmatan secara radikal, terutamanya disebabkan oleh jenis teknologi tinggi moden perkhidmatan”. Ini memerlukan pendekatan baru untuk aktiviti muzium.

Walaupun muzium adalah organisasi bukan untung, penggunaan perniagaan amalan di muzium, iaitu alat pemasaran, adalah menjadi keperluan moden. Memang menggembirakan bahawa dalam Strategi Tindakan, ketua negara memberi perhatian kepada keutamaan bagi pembangunan pelancongan. Kerana ia pembangunan pelancongan juga mempunyai positif kesan kepada pembangunan bidang sosial seperti muzium. Dari pengalaman dunia kita dapat melihat bahawa muzium juga menawarkan produk mereka kepada pasaran pelancongan. Contohnya ialah Louvre in Paris dan Prado di Sepanyol. mengikut statistik, pada 2019, Louvre telah dikunjungi sebanyak 9.6 juta pelancong dan Prado sebanyak 2.8 juta. Pelancongan muzium juga merupakan aktiviti unik muzium dalam bidang pelancongan budaya. Di dalam ini mengambil kira, negeri melakukan banyak, khususnya, untuk memastikan keselamatan pelancong semasa lawatan ke Presiden Islam Karimov ke wilayah Bukhara, yang pembangunan pelancongan, ekologi, pendidikan, etnografi, gastronomi, sukan, kesihatan, luar bandar, perindustrian, pelancongan perniagaan dan lain-lain. 18.5 bilion jumlah akan dibelanjakan untuk berkembang kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Dunia Pertubuhan Pelancongan (UNWTO) dan peneraju organisasi pelancongan antarabangsa dan nasional, pembangunan pesat industri pelancongan, pembinaan dan pembinaan semula jalan raya pengangkutan dan kejuruteraan dan komunikasi infrastruktur.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan sebagai kegiatan dalam mengumpul dan menganalisis data secara tersusun. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini memerlukan metodologi yang baik sebagai cara memperoleh dapatan kajian yang sempurna. Metodologi kajian yang digunakan haruslah menggunakan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah dan berkualiti.

Kajian ini dijalankan untuk merancang penyelidikan dengan lebih baik agar penyelidikan yang dijalankan dapat menjawab objektif yang sudah ditetapkan oleh pengkaji. Kajian yang digunakan oleh pengkaji merupakan kajian yang menggunakan kuantitatif dan kualitatif dalam mendapatkan data. Kaedah kuantitatif memerlukan pengkaji untuk meninjau kawasan kajian, membuat sampel kajian dan percubaan pada sesuatu yang baru dan berbeza. Kaedah kualitatif pula memerlukan pengkaji menyediakan soal selidik, melakukan pemerhatian dan menemu bual pihak tertentu yang telah ditetapkan untuk mendapatkan maklumat.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah salah satu cara untuk mendapatkan jawapan-jawapan bagi objektif yang sudah ditetapkan oleh pengkaji. Bagi mencapai objektif yang dijalankan, mencari kaedah serta cara yang sesuai berkaitan dengan objektif untuk mendapatkan data bagi setiap objektif yang dipilih. Oleh itu, melakukan tinjauan terhadap penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan sebelum ini. Tinjauan ini dijalankan untuk mengelakkan terdapat pertindihan tajuk antara penyelidik-penyelidik sebelumnya.


Setelah tajuk yang dipilih tidak mempunyai pertindihan tajuk daripada penyelidik sebelumnya, pengkaji melakukan tinjauan di kawasan arkeologi untuk mendapatkan permasalahan yang dihadapi oleh pihak

muzium berkaitan dengan pemasaran tapak arkeologi terhadap masyarakat. Melalui objektif yang dipilih, pengkaji akan mengkaji kaedah yang sesuai dalam mendapatkan objektif-objektif yang dipilih agar tujuan dan data yang sesuai didapati dengan terperinci. Selain meninjau permasalahan yang dihadapi oleh pihak arkeologi, pengkaji juga melakukan pemilihan responden untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut tentang pemasaran yang dijalankan oleh pihak muzium dalam beberapa tempoh.

Pengunjung yang mengunjungi tapak arkeologi dan juga masyarakat sekitar muzium dijadikan responden kajian. Selain itu, pegawai muzium yang masih berkhidmat dan pernah berkhidmat di tapak arkeologi juga dijadikan sebagai responden untuk mendapatkan data berkaitan dengan objektif yang dijalankan. Responden ini terhad kepada pengunjung, masyarakat tempatan dan pegawai tapak arkeologi untuk membatasi kajian yang dijalankan. Setelah sampel kajian dan responden diperolehi, pengkaji membina beberapa instrumen kajian seperti soalan-soalan serta borang soal selidik untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden. Borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji akan diberikan kepada dua kumpulan iaitu;

- a. Borang soal selidik pengunjung muzium yang mengunjungi tapak arkeologi pada waktu kajian.
- b. Borang soal selidik masyarakat sekitar tapak arkeologi untuk mendapatkan kekerapan pemasaran yang dijalankan oleh tapak arkeologi.

Setelah pengkaji berjaya mengumpulkan maklumat dan juga data-data yang diperlukan daripada soal selidik dan temubual yang dijalankan, semua maklumat dan juga data-data diproses dan dianalisis dengan lebih dalam untuk melengkapkan laporan kajian yang dijalankan. Dapatan kajian daripada soal selidik akan dijadikan sebagai dapatan kajian dalam kajian pengkaji.



Rajah 3.1.1 : Reka Bentuk Kajian

3.2 PENGUMPULAN DATA

3.2.1 PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian ini digunakan dalam kajian ini bagi memenuhi objektif yang dibuat oleh pengkaji. Selain itu, kaedah ini digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat melalui melihat kawasan kajian iaitu di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak. Di samping itu, melalui kaedah ini pengkaji dapat melihat potensi tulang Perak Man sebagai salah artifak yang boleh dijadikan ikon di Tapak Arkeologi, Lembah Lenggong.

Dalam kaedah ini, pengkaji akan mengunjungi Tapak Arkeologi Lembah Lenggong untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan rangka Perak Man untuk mendapatkan maklumat yang boleh digunakan untuk mengangkat Perak Man sebagai ikon Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.

3.2.2 PENYEDIAAN BORANG SOAL SELIDIK

Pengkaji akan memberikan borang soal selidik kepada 100 responden yang dipilih secara rawak kepada responden yang berkunjung ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak. Antara soalan yang akan dikemukakan ialah jantina, umur, Pekerjaan, negeri/negara dan lain-lain. Di samping itu, pengkaji akan mengemukakan soalan seperti adakah Tapak Arkeologi ini memerlukan ikon untuk menambah balik Tapak Arkeologi Lembah Lenggong . Pengkaji akan memberi pilihan setuju, sangat setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Untuk mendapatkan data kajian, pengkaji juga menggunakan kaedah soal selidik yang memerlukan responden untuk menjawab beberapa persoalan untuk pengkaji mendapatkan data yang bersesuaian. Soal selidik ini akan diberikan kepada masyarakat sekitar dan juga pengunjung tapak arkeologi. Kaedah ini dirangka bagi membolehkan responden dapat menjawab soalan-soalan yang disediakan tanpa mendapat paksaan daripada mana-mana pihak.

3.2.3 TEMU BUAL

Temu bual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat tentang kajian yang dijalankan. Secara terperinci nya, temu bual ini dijalankan bersama ahli arkeologi yang telah menjalankan kajian terhadap rangka Perak Man dan ahli arkeologi yang telah lama berkhidmat di tapak arkeologi Lembah Lenggong, Perak. Soalan akan ditanya secara berstruktur .Pengkaji akan menyediakan satu set soalan dahulu sebelum mewawancara pada ahli arkeologi . Pengkaji akan menanyakan soalan yang boleh mendapatkan maklumat berkenaan ekonomi di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.

3.3 PERSAMPELAN KAJIAN

Persampelan dapat didefinisikan sebagai proses memilih sampel bagi mewakili populasi dalam sesuatu kajian. Menurut Syed Arabi Idid (1992), “Persampelan merupakan satu cara yang dijalankan oleh

pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada sampel yang dikenalpasti mewakili keseluruhan populasi”. Secara keseluruhannya, persampelan ini adalah merupakan penyelidikan terhadap sampel kajian bagi mewakili keseluruhan populasi kajian. Melalui kajian ini, pengkaji tidak mengambil semua populasi sebagai bahan kajian namun hanya informen tertentu sahaja yang akan dijadikan sebagai sampel kajian.

Sampel kajian merupakan kumpulan yang dapat memberikan maklumat yang berkaitan dengan kajian untuk dijadikan sebagai sumber maklumat dalam kajian. Dalam memilih sampel kajian ini pengkaji telah menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan sampel kajian yang sesuai mengikut kajian yang dipilih oleh pengkaji. Sampel kajian ini dipilih oleh pengkaji untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian, antara sampel kajian yang dipilih oleh pengkaji;

- a) Masyarakat sekitar Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak
- b) Pengunjung yang melawat Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.

| KRITERIA KEMASUKAN | KRITERIA PENGEQUALIAN |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Lelaki dan perempuan • Berumur 18 hingga 59 tahun | <ul style="list-style-type: none"> • Budak-budak bawah umur 18 tahun |

3.4 PENGENALPASTIAN SAMPEL

Formula Solvins digunakan untuk mengira sampel yang sesuai dengan populasi. Formula Solvins ialah $n = N/(1+Ne^2)$ iaitu n ialah saiz sampel. N ialah saiz populasi dan e ialah margin ralat yang perlu diputuskan oleh penyelidik.

$$n = \frac{N}{1 + Ne^2}$$

n = sample size desired

N = population size

e = desired margin or sampling error

Populasi penduduk di dalam Lembah Lenggong adalah sebanyak 19343 dan setelah mengambil kira ralat dalam sampel sebanyak 10% didapati hanya 100 responden diperlukan.

19343

$n = \frac{19343}{1 + (19343)(0.1)^2}$

$n = 99.49$

$n \approx 100$ responden

3.5 KESIMPULAN

Berdasarkan metodologi kajian yang telah dirancang, perkara ini diharapkan dapat membantu pengkaji untuk menjalankan penyelidikan untuk memastikan kajian ini dijalankan berpandukan objektif yang digariskan. Penggunaan borang selidik sebagai instrumen kajian serta kaedah temu bual dan pemerhatian diharapkan dapat mengupas persoalan dan objektif kajian yang telah digariskan oleh pengkaji. Kaedah ini dapat membantu pengkaji menjalankan penyelidikan dengan lebih tepat.



BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.0 PENGENALAN

Dalam kajian ini, Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak merupakan tempat warisan yang telah dipilih oleh pengkaji untuk melakukan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tapak Arkeologi Lembah Lenggong merupakan tapak Arkeologi yang terdapat rangka Perak Man yang di mana Rangka Perak Man merupakan rangka yang terdapat pelbagai sejarah yang boleh dirungkai melalui rangka Perak Man itu. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan dua kaedah iaitu kaedah primer dan skunder untuk mengenalpasti maklumat secara lebih terperinci bagi membantu kajian ini.


4.1 Mengenalpasti peranan Perak Man di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong dalam peningkatan ekonomi

Bagi mengkaji peranan Perak Man di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik. Melalui kaedah ini, pengkaji telah membuat satu pautan untuk soal selidik. Dalam pautan ini, pengkaji telah meletakkan beberapa soalan yang perlu dijawab oleh pengunjung yang melawat ke tapak arkeologi Lembah Lenggong. Pengkaji akan berkongsi pautan kepada pengunjung yang hadir di Tapak Arkeologi tersebut untuk memudahkan mereka menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam pautan tersebut. Hal ini bertujuan, untuk mengetahui peranan Perak Man di Tapak Arkeologi tersebut dalam peningkatan ekonomi. Oleh itu, pengkaji mengambil masa selama 14 hari iaitu bermula pada 20/10/2022 hingga 4/11/2022, Melalui kajian soal selidik ini pengkaji telah Berjaya mengumpul sebanyak 105 orang responden yang telah menjawab soal selidik yang telah dibuat oleh pengkaji.

Melalui penilaian pengkaji, pengkaji mendapati bahawa pengunjung yang hadir di tapak arkeologi tidak begitu mengetahui tentang rangka Perak Man ini. Terdapat pelbagai pengunjung daripada pelbagai negeri dan bangsa dengan pelbagai umur yang berkunjung di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Secara dasarnya, pengunjung yang hadir mengetahui tentang keberadaan rangka Perak Man ini tetapi diorang kurang tahu tentang sejarah atau nilai yang terdapat pada Perak Man ini. Mereka hanya tahu secara am dan kurang berminat untuk mengetahui lebih mendalam tentang rangka Perak Man ini. Kebanyakan pengunjung yang hadir di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong itu hanya disebabkan tapak Arkeologi tersebut merupakan tempat yang menarik untuk dilawati di negeri Perak. Oleh itu, segala data yang diperoleh melalui soal selidik ini akan diterangkan bagi mengkaji peranan Perak Man dalam peningkatan ekonomi di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong.

UMUR

105 responses




Gambar Rajah 4.1.1 Bilangan responden mengikut peringkat umur

Berdasarkan gambar 4.1, hasil kajian telah menunjukkan bilang umur responden 18-30 merupakan bilangan umur yang paling banyak menjawab soal selidik berbanding umur responden yang lain iaitu sebanyak 78 responden. Umur responden kedua tertinggi ialah dalam lingkaran 31-40 tahun iaitu sebanyak 14 responden. Selain itu, lingkaran umur 41-50 tahun hanya mempunyai 10 responden manakala lingkaran umur 50 tahun ke atas merupakan responden yang paling sedikit iaitu hanya mempunyai 3 responden. Berdasarkan demografi ini, pengkaji dapat melihat responden yang berumur 18-30 tahun merupakan responden yang paling tinggi untuk menjawab soal selidik ini. hal ini dikatakan demikian kerana, dalam lingkaran umur ini mereka lebih gemar untuk menjawab sesuatu perkara yang baharu bagi menambah pengetahuan mereka. Mereka juga lebih mahir dalam penggunaan teknologi yang semakin canggih pada masa kini kerana pada usia tersebut mereka telah mempunyai gadget-gadget yang boleh bawa dia mana mana. Seterusnya, demografi di atas telah menunjukkan bilangan umur 31-40 tahun merupakan responden ke dua yang tertinggi menjawab soalan soal selidik iaitu sebanyak 14 responden yang disediakan oleh pengakaji. Hal ini kerana dalam lingkaran tersebut mereka masih mahir dalam teknologi dan masih berminat untuk mengetahui sesuatu yang baharu. Oleh itu, golongan ini mengambil inisiatif untuk mengisi borang soal selidik ini agar mereka dapat memperoleh sesuatu ilmu yang baharu. Di samping itu, lingkaran umur 41-50 tahun hanya mempunyai 10 responden. Perkara ini disebabkan dalam lingkaran umur tersebut mereka hanya mengunjung ke Tapak Arkeologi tersebut


sekadar untuk melihat artifak yang terdapat atau membawa anak- anak mereka bersiar-siar. Hal ini dikatakan demikian kerana, golongan ini kebanyakan sudah berkahwin dan hanya mahu meluangkan masa bersama keluarga. Selain itu, golongan umur 50 tahun ke atas merupakan golongan yang paling sedikit yang menjawab soal selidik ini iaitu hanya mempunyai 3 responden. Hal ini, telah dijangka oleh pengakji disebabkan dalam lingkaran umur ini mereka tidak mahir dalam teknologi dan tidak ramai golongan ini yang hadir mengunjungi ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong.

JANTINA
105 responses



Gambar Rajah 4.1.2: Bilangan responden berdasarkan jantina


Berdasarkan gambar rajah 4.1.2, hasil kajian menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina. Peratus bilangan lelaki menunjukkan 57.1% sebanyak 60 Responden lebih banyak berbanding responden perempuan iaitu hanya 42.9 % sebanyak 45 responden. Hal ini telah menjelaskan pengunjung lelaki lebih ramai datang mengunjungi tapak arkeologi Lembah Lenggong berbanding pengunjung perempuan. Melalui data demografi ini, boleh dilihat golongan lelaki lebih meminati bahagian arkeologi ini dan suka untuk mendapatkan sesuatu yang baharu.



Gambar Rajah 4.1.3: Bilangan responden mengikut bangsa

Berdasarkan rajah 4.1.3, demografi di atas menunjukkan bilangan responden mengikut bangsa yang dimana dapat dtermahkan bahawa bilangan bangsa melayu mendominasi berbanding bangsa yang lain iaitu sebanyak 64% bersamaan 67 orang responden dan diikuti dengan bangsa lain-lain iaitu 22% iaitu 18 orang responden. Selain itu, bangsa cina sebanyak 9% iaitu 10 orang responden dan bangsa india paling sedikit berbanding dengan bangsa yang lain iaitu hanya 5% bersamaan 5 orang. Melalui carta ini pengkaji dapat mentafsirkan bahawa bangsa melayu merupakan bangsa yang paling ramai mengunjungi Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Perkara ini merupakan fenomena biasa kerana peratus rakyat Malaysia juga didominasi oleh masyarakat Melayu. Malahan pula, rangka perak man ini pula banyak mengisahkan tentang sejarah melayu pada waktu dahulu. Oleh itu, tidak peliklah kebanyakan bangsa melayu yang mengunjungi Tapak Arkeologi Lembah Lenggong berbanding bangsa lain.

PEKERJAAN
105 responses




Gambar Rajah 4.1.4: Bilangan responden mengikut pekerjaan

Gambar rajah ke 4.1.4 menunjukkan bilangan responden mengikut pekerjaan yang dimana pelajar merupakan golongan yang paling ramai mengunjungi Tapak Arkeologi Lembah Lenggong iaitu 31.4 % sebanyak 33 responden dan diikuti oleh sector awam iaitu 23.8% bersamaan 25 orang. Seterusnya, bekerja sendiri 19% iaitu 20 responden dan paling sedikit golongan tidak bekerja iaitu 4.8% seramai 5 orang responden. Berdasarkan demografi di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa pelajar lebih gemar mengunjungi ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong berbanding golongan lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pelajar yang mengunjungi ke tapak Arkeologi Lembah Lenggong melalui lawatan institusi pengajian untuk mendapatkan maklumat yang baharu. Selain itu, pelajar yang mengunjungi ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong kebanyakan membuat kajian terhadap artifak yang terdapat di Tapak Arkeologi tersebut. Golongan lain yang hadir kebanyakan hanya untuk bersiar-siar dan menambah ilmu pengetahuan mereka mengenai sejarah yang boleh diperolehi di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong.

Soalan Kajian Selidik : Mengenalpasti peranan Perak Man di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong dalam peningkatan ekonomi

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong merupakan tapak arkeologi yang terbaik di Malaysia
105 responses




Gambar Rajah 4.1.5 : Tapak Arkeologi Lembah Lenggong merupakan tapak arkeologi yang terbaik di Malaysia

Hasil soal kajian selidik yang dilakukan pada rajah 1 (Gambar Rajah 4.1.5) menunjukkan sebanyak 53 responden iaitu (50.5%) sangat setuju bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong merupakan tapak arkeologi yang terbaik di Malaysia dan diikuti 44 responden iaitu (41.9%) yang setuju bahawa tapak arkeologi lembah lenggong merupakan tapak arkeologi terbaik di Malaysia. Selain itu, seramai 7 orang bersamaan (6.7%) yang tidak pasti berkenaan persoalan ini manakal hanya 1 responden iaitu (1%) yang sangat tidak setuju berkenaan persoalan ini. Berdasarkan data di atas, pengkaji dapat menganalisis bahawa kebanyakan responden sangat setuju dan setuju bahawa tapak arkeologi lembah lenggong merupakan tapak arkeologi terbaik di Malaysia kerana tapak arkeologi lembah lenggong mempunyai banyak artifak yang menarik dan dapat memberi ilmu pengetahuan yang baharu kepada pengunjung yang hadir di tapak arkeologi tersebut. Selain itu, tapak arkeologi ini mempunyai tenaga pengajar yang mahir yang boleh menjawab sebarang soalan berkenaan tapak arkeologi ini. Responden

yang tidak pasti bahawa arkeologi ini merupakan arkeologi yang terbaik di Malaysia disebabkan tapak arkeologi ini tidak mempunyai satu ikon yang boleh menjadikan tapak arkeologi ini lebih diketahui umum. Terdapat responden yang tidak sangat tidak bersetuju bahawa tapak arkeologi ini merupakan tapak arkeologi yang terbaik di Malaysia disebabkan tapak arkeologi terletak di pendalaman dan tidak mempunyai fasiliti yang baik. Hal ini membuatkan mereka, sangat tidak bersetuju dengan kenyataan pengkaji.






Rajah 4.1.6 : Tapak Arkeologi Lembah Lenggong merupakan tapak Arkeologi yang patut dikunjungi

Hasil soal selidik berdasarkan rajah 2 (Gambar Rajah 4.1.6) menunjukkan bahawa sebanyak 61 responden iaitu (58.1%) responden yang setuju bahawa tapak arkeologi lembah lenggong patut dikunjungi dan diikuti sebanyak 33 responden iaitu (31.4%) yang tidak pasti berkenaan soalan ini . seterusnya,sebanyak 1 responden iaitu (1%) yang tidak setuju dan 1 responden iaitu (1%) sangat tidak setuju tentang kenyataan ini. Berdasarkan draf di atas, jelas menunjukkan bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong merupakan daya tarikan orang di Malaysia. Tapak Arkeologi Lembah Lenggong menyajikan artifak yang menarik dan maklumat-maklumat berkenaan dengan sejarah yang boleh dibaca oleh pengunjung bagi mendapat pengetahuan bagi sesebuah artifak. Hal ini membuatkan ramai pengunjung yang gemar mengunjungi tapak arkeologi Lembah Lenggong ini. Terdapat 1 responden yang tidak bersetuju dengan soalan ini. hal mungkin disebabkan responden tersebut tidak gemar mengunjungi ke tempat-tempat berkenaan dan hanya datang ke tapak Arkeologi Lembah Lenggong tersebut sekadar untuk bersiar-siar.

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat menarik untuk dikunjungi?

105 responses




Rajah 4.1.7 : Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat menarik untuk dikunjungi?

Berdasarkan draf dia atas majoriti responden setuju dengan kenyataan yang dikemukakan oleh penyelidik. Seramai 49 orang responden iaitu 46.7% yang setuju dengan kenyataan ini. Selain itu, ramai juga responden yang tidak pasti dengan kenyataan yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu 35 responden bersamaan 33.3% dan diikuti dengan 19 responden iaitu 18.1% yang setuju dengan kenyataan yang dikemukakan oleh pengkaji. Manakala responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju memperoleh jumlah yang sama iaitu hanya 1 responden bersamaan 1%. Berdasarkan data yang diperolehi pengkaji mendapati banyak responden yang setuju bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat menarik untuk dikunjungi. Hal ini disebabkan, rangka Perak Man yang menjadikan responden teruja untuk berkunjung ke tapak Arkeologi Lembah Lenggong ini. Rangka Perak Man ini menjadi satu alasan untuk mereka berkunjung ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong ini untuk melihat sendiri keadaan rangka Perak Man itu dan maklumat sedikit sebanyak tentang rangka Perak Man ini yang penuh dengan sejarah yang menarik.

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat dikenali ramai?

105 responses




Rajah 4.1.8 : Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat dikenali ramai

Berdasarkan carta di atas, majoriti responden tidak pasti dengan kenyataan yang telah dikemukakan pengkaji dalam borang soal selidik. Sebanyak 67 responden iaitu 63.8% peratus yang tidak pasti dengan kenyataan yang dibuat oleh pengkaji. Selain itu, seramai 26 responden iaitu 24.8% yang setuju dengan kenyataan yang dikemukakan oleh pengkaji. Seterusnya, 6 responden iaitu 5.7% yang sangat setuju dengan kenyataan yang telah dibuat oleh pengkaji manakala 4 responden iaitu 3.8 peratus yang tidak setuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji dan hanya 2 responden iaitu 1.9% yang sangat tidak setuju dengan kenyataan ini. Berdasarkan data yang diperolehi dari carta di atas, pengkaji dapat merumuskan kebanyak responden tidak pasti bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat dikenali ramai disebabkan beberapa faktor yang tertentu. Antaranya, kedudukan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong yang agak berada di kawasan pendalaman menyebabkan Tapak Arkeologi ini sedikit tersembunyi dan tidak mendapat perhatian orang ramai. Kedudukan sesuatu tempat juga merupakan satu faktor yang menyebabkan para pengunjung tidak ingin mengambil tahu keberadaan sesebuah tempat itu.

Tapak arkeologi mempunyai banyak artifak yang menarik ?


105 responses



Rajah 4.1.9 : Tapak arkeologi mempunyai banyak artifak yang menarik

Berdasarkan rajah 4.1.9, majoriti responden menjawab tidak pasti dengan kenyataan bahawa tapak Arkeologi Lembah Lenggong mempunyai banyak artifak yang menarik iaitu sebanyak 57 responden bersamaan 54.3%. Seterusnya, sebanyak 40 responden iaitu 38.1% yang setuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam borang soal selidik tersebut. Selain itu, seramai 7 orang responden iaitu 6.7% yang sangat setuju berhubung dengan kenyataan tersebut manakala hanya seorang responden iaitu 1% yang sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut dan tiada responden yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Berdasarkan data yang telah dikumpul, pengkaji dapat merungkaikan kebanyakan responden menjawab tidak pasti bahawa tapak arkeologi mempunyai banyak artifak yang menarik disebabkan hanya tertumpu kepada Perak Man semasa mengunjungi ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Responden tidak begitu tertarik dengan artifak yang lain kerana rangka Perak Man merupakan tarikan yang menarik untuk berkunjung ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong tersebut. Responden hanya menfokuskan rangka Perak Man dan tidak tertarik dengan artifak lain yang terdapat pada Tapak Arkeologi tersebut.

Kemudahan yang disediakan di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat memuaskan?
105 responses




Rajah 4.1.10 : Kemudahan yang disediakan di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat memuaskan

Berdasarkan carta di atas, sebanyak 73 orang responden iaitu 69.5% bersetuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam boring soal selidik tersebut. Responden yang sangat setuju seramai 18 responden iaitu 17.1%. Setersunya, seramai 12 responden iaitu 11.4% yang tidak pasti dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Selain itu, responden bagi tidak setuju dan sangat tidak setuju mempunyai jumlah yang sama iaitu seorang responden bersamaan 1%. Berdasarkan data yang didapati, pengkaji dapat menghuraikan responden sangat berpuas hati dengan kenyataan bahawa kemudahan yang disediakan di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong amat memuaskan. Hal ini kemungkinan disebabkan faktor-faktor yang memudahkan para pengunjung yang hadir mengunjungi ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong tersebut. Antaranya, tempat meletak kenderaan yang besar dan luas memberi keselesaan kepada para pengunjung yang hadir. Tempat letak kenderaan yang banyak dan luas dapat memberi keselesaan kepada pengunjung kerana mereka tidak perlu untuk memikirkan keselamatan kenderaan mereka dan tidak perlu untuk meletakkan kenderaan di tempat yang jauh.

Kedudukan kawasan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong sangat strategik?


105 responses



Rajah 4.1.11 : Kedudukan kawasan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong sangat strategik

Berdasarkan carta yang ditunjukkan, seramai 45 responden iaitu 42.9% yang tidak setuju bahawa kedudukan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong sangat strategik dan seramai 44 responden iaitu 41.9% yang setuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, 10 responden iaitu 9.5% yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut diikuti dengan 5 responden iaitu 4.8% yang sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Selain itu, hanya seorang responden iaitu 1% yang sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Berdasarkan data yang dapat diperolehi oleh carta di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa responden setuju dan tidak setuju mempunyai jumlah yang tidak jauh beza. Hal ini boleh dirumuskan dengan beberapa faktor yang boleh diuraikan bagi kenyataan bahawa kedudukan kawasan tapak Arkeologi Lembah Lenggong sangat strategik. Responden yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut berkemungkinan disebabkan kawasan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong yang berada agak pendalaman. Hal ini menyebabkan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong para pengunjung berasa tidak tertarik untuk berkunjung ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong disebabkan berada di pendalaman dan jauh dari bandar. Bagi pengunjung yang setuju dengan kenyataan tersebut kemungkinan mereka beranggapan bahawa bagi sesebuah Tapak Arkeologi perlu mempunyai suasana flora dan fauna yang akan memberi mereka pengalaman berada di kawasan arkeologi itu sendiri. Hal ini akan membuatkan para pengunjung berasa puas dan mendapat satu pengalaman yang memberi impak yang baik dalam kehidupan mereka.

Tapak arkeologi Lembah Lenggong menyediakan detail artifak secara terperinci?
105 responses




Rajah 4.1.12 : Tapak arkeologi Lembah Lenggong menyediakan detail artifak secara terperinci

Berdasarkan graf di atas, majoriti responden bersetuju bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong menyediakan detail artifak secara terperinci. Sebanyak 87 responden iaitu 82.9% bersetuju dengan kenyataan tersebut dan sebanyak 10 responden iaitu 9.5% sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, sebanyak 6 responden iaitu 5.7% tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Selain itu, responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju mempunyai jumlah yang sama iaitu masing-masing mempunyai hanya seorang responden iaitu 1%. Berdasarkan data yang telah diperolehi, pengakaji dapat merumuskan responden bersetuju bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong menyediakan detail artifak secara terperinci. Hal ini disebabkan setiap artifak yang dipaparkan mempunyai detail yang boleh dibaca oleh pengunjung yang hadir di Tapak Arkeologi tersebut. Pengunjung dapat membaca detail artifak berkenaan untuk menambah ilmu pengetahuan mereka dan mengetahui sejarah tentang artifak berkenaan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Artifak yang terdapat di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong dijaga dan disimpan dengan rapi?
105 responses




Rajah 4.1.13 : Artifak yang terdapat di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong dijaga dan disimpan dengan rapi

Berdasarkan rajah di atas (rajah 4.1.13), data menunjukkan sebanyak 40 responden iaitu 38.1% tidak pasti dengan soalan yang diajukan oleh pengkaji dan diikuti dengan responden yang setuju dengan kenyataan tersebut sebanyak 34 responden iaitu 32.4%. Seterusnya, sebanyak 29 responden iaitu 27.6% yang sangat setuju terhadap kenyataan yang telah diajukan. Manakala hanya 1 responden sahaja iaitu 1% bagi tidak setuju dan sangat tidak setuju. Berdasarkan data yang telah diolah oleh pengkaji berpandukan carta di atas, pengkaji dapat merumuskan responden tidak pasti bahawa artifak yang terdapat di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong dijaga dan disimpan dengan rapi. Hal ini boleh dirumuskan bahawa para pengunjung yang hadir tidak mengetahui cara penyimpanan dan penjagaan yang rapi bagi sesebuah artifak. Para pengunjung tidak dapat menilai bahawa sesebuah artifak yang terdapat di tapak Arkeologi Lembah Lenggong dijaga atau disimpan dengan rapi ataupun tidak.

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong perlu mempunyai banyak promosi untuk menarik lagi minat pelancong untuk melawat Tapak Arkeologi?

105 responses




Rajah 4.1.14 : Tapak Arkeologi Lembah Lenggong perlu mempunyai banyak promosi untuk menarik lagi minat pelancong untuk melawat Tapak Arkeologi

Berdasarkan carta yang terdapat di atas (rajah 4.1.14), sebanyak 86 responden iaitu 81.9% yang setuju bagi kenyataan yang telah dikemukakan responden dalam boring soal selidik dan 13 responden iaitu 12.4 % sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, sebanyak 3 responden iaitu 2.9 % tidak pasti dengan kenyataan tersebut serta diikuti dengan 2 responden iaitu 1.9% yang sangat tidak setuju. Selain itu, hanya seorang responden iaitu 1% tidak setuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Berdasarkan rumusan data di atas, pengkaji dapat merumuskan responden bersetuju bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong perlu mempunyai banyak promosi untuk menarik lagi minat pelancong untuk melawat Tapak Arkeologi. Hal ini amat penting bagi sesebuah tapak arkeologi bagi menarik minat pelancong untuk melawat ke sesebuah Tapak Arkeologi. Misalnya dengan membuat promosi di media sosial dengan membuat tawaran atau video yang menarik yang boleh menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke Tapak Arkeologi Lembah lenggong. Hal ini secara tidak langsung, akan menarik minat masyarakat untuk mengkaji dan mengambil tahu tentang khazanah yang telah ditinggalkan sejak dahulu lamnaya.

Artifak tulang dapat memberikan informasi yang sangat bermanfaat untuk masyarakat?

105 responses




Rajah 4.1.15 : Artifak tulang dapat memberikan informasi yang sangat bermanfaat untuk masyarakat

Berdasarkan graf di atas (rajah 5.5), rajah telah menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh pengkaji iaitu sebanyak 90 responden bersamaan 85.7% bersetuju dengan kenyataan tersebut. Setersunya, 10 responden iaitu 9.5 % yang sangat setuju dengan kenyataan tersebut dan 4 reponden iaitu 3.8% yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Selain itu, hanya seorang responden iaitu 1% yang sangat tidak setuju serta tiada responden yang menjawab tidak setuju. Berdasarkan carta yang telah dirungkaikan , pengkaji telah mendapati kebanyakan responden setuju bahawa artifak tulang dapat memberi informasi yang sangat bermanfaat untuk masyarakat. Contohnya, melalui rangka Perak Man yang terdapat di tapak Arkeologi Lembah Lenggong, kajian telah menunjukkan pelbagai maklumat daripada rangka Perak Man tersebut seperti dari segi keturunan. Kajian dapat mengetahui asal usul keterunan Perak Man melalui kajian yang telah dilakukan. Hal ini akan memberi banyak manfaat yang baik untuk masyarakat.

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong mempunyai banyak artifak tulang yang memberikan maklumat yang bermanfaat untuk masyarakat dan pengunjung yang hadir?

105 responses




Rajah 4.1.16 : Tapak Arkeologi Lembah Lenggong mempunyai banyak artifak tulang yang memberikan maklumat yang bermanfaat untuk masyarakat dan pengunjung yang hadir

Berdasarkan draf di atas, draf telah menunjukkan majoriti responden setuju bahawa tapak arkeologi Lembah Lenggong mempunyai banyak artifak tulang yang memberi maklumat yang bermanfaat untuk masyarakat dan pengunjung yang hadir. Sebanyak 67 responden iaitu 63.8% yang setuju dengan kenyataan ini. seterusnya, sebanyak 20 responden iaitu 19% yang sangat setuju dengan kenyataan ini. dan diikuti dengan responden yang tidak pasti sebanyak 16 responden iaitu 15.2%. Selain itu, hanya 2 responden iaitu 1.9% yang sangat tidak setuju dan tiada responden yang tidak setuju. Berdasarkan maklumat yang telah dirungkai oleh carta di atas, pengkaji dapat melihat bahawa responden setuju dengan kenyataan bahawa tapak arkeologi Lembah Lenggong mempunyai banyak artifak tulang yang memberi maklumat yang bermanfaat untuk masyarakat dan pengunjung yang hadir. Hal ini dikatakan demikian kerana, banyak artifak tulang yang terdapat di Tapak arkeologi lembah lenggong. Artifak ini banyak memberi maklumat yang bermanfaat untuk masyarakat yang hadir di tapak Arkeologi lembah lenggong Tersebut. Para pengunjung dapat menimba ilmu yang banyak berkaitan tulang di Tapak Arkeologi lembah Lenggong. Artifak tulang juga merupakan sebuah artifak yang sangat menarik untuk dikaji kerana terdapat pelbagai sejarah yang boleh dirungkai melalui kajian berdasarkan tulang. Hal ini akan memberi pengunjung yang hadir berasa puas hati kerana tidak balik

dengan tangan kosong kerana terdapat banyak ilmu yang boleh diambil daripada artifak yang terdapat di tapak Arkeologi lembah lenggong ini.

Adakah tapak arkeologi lembah lenggong wajar mempunyai satu imej?

105 responses




Rajah 4.1.17 : Adakah tapak arkeologi lembah lenggong wajar mempunyai satu imej

Berdasarkan rajah di atas (rajah 4.1.17), rajah telah memperlihatkan majoriti responden setuju bahawa tapak arkeologi lembah Lenggong wajar mempunyai satu imej. Hal ini telah dibuktikan dengan seramai 80 responden iaitu 76.2% setuju dengan kenyataan tersebut manakala sebanyak 23 responden iaitu 21.9% sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, responden yang tidak pasti dan sangat tidak setuju mempunyai jumlah yang sama iaitu hanya seorang responden bersamaan 1%. Selain itu, tidak ada seorang pun yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Berdasarkan pencerahan daripada data di atas, pengkaji dapat merumuskan majoriti responden bahawa Tapak Arkeologi Lembah Lenggong wajar mempunyai satu imej. Sememangnya, wajar bagi sesebuah Tapak Arkeologi mempunyai satu imej. Hal ini dapat memberi impak yang positif bagi sesebuah tapak arkeologi. Misalnya, dengan mempunyai satu imej masyarakat akan lebih mengenali sesebuah tempat itu dengan mudah. Perkara ini akan membuatkan sector pelancongan di tapak Arkeologi Lembah akan meningkat.

Rangka Perak Man merupakan daya tarikan utama pelancong di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong?


105 responses



Rajah 4.1.18 : Rangka Perak Man merupakan daya tarikan utama pelancong di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong

Berdasarkan draf di atas (rajah 4.1.18), jelas menunjukkan bahawa responden yang bersetuju mendapat jumlah yang paling tinggi iaitu 86 responden bersamaan 81.9% manakala sebanyak 13 responden iaitu 12.4% yang sangat bersetuju bahawa Rangka Perak Man merupakan tarikan utama pelancong di tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Seterusnya, terdapat 3 responden iaitu 2.9% yang tidak dengan kenyataan tersebut. Selain itu, 3 responden iaitu 2.9% yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan tidak ada responden yang tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Berdasarkan, huraian daripada draf di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa mojitiriti responden setuju bahawa Rangka Perak Man merupakan daya tarikan utama pelancong di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Hal ini tidak asing lagi kerana Tapak Arkeologi Lenggong memang terkenal dengan Rangka Perak Man. Kebanyakan pelancong yang mengunjungi ke Tapak Arkeologi Lembah Lenggong kerana ingin mengetahui keberadaan rangka Perak Man. Rangka Perak man merupakan khazanah yang menyimpan banyak sejarah yang sangat menarik untuk dikaji. Pelbagai maklumat yang boleh diperolehi melalui kajian Rangka Perak Man ini. sehubungan itu, memang wajar dikatakan Rangka Perak Man merupakan daya tarikan utama pelancong di tapak Arkeologi lembah lenggong.


Rangka Perak Man merupakan rangka yang sangat dikenali di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong?
105 responses



Rajah 4.1.19 : Rangka Perak Man merupakan rangka yang sangat dikenali di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong

Berdasarkan carta di atas (rajab 4.1.19), majoriti responden sangat setuju bahawa Rangka Perak Man merupakan rangka yang sangat dikenali di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Hal ini dibuktikan dengan seramai 63 responden iaitu 60% yang sangat setuju dengan kenyataan tersebut manakala seramai 24 responden iaitu 22.9% yang setuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, seramai 16 responden iaitu 15.2% yang sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Selain itu, saebanyak 2 responden iaitu 1.9% yang tidak pasti dengan kenyataan tersebut dan tiada responden yang tidak setuju. Berdasarkan rumusan pada draf di atas, responden sangat setuju bahawa Rangka Perak Man merupakan rangka yang sangat dikenali di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Rangka Perak Man sememangnya menjadi sasaran pengunjung yang hadir di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong. Hal ini kerana jika carian melalui internet mengenai Tapak Arkeologi Lembah Lengoong mesti keluar berkaitan Rangka Perak Man. Tapak Arkeologi Lembah Lenggong memang tidak asing lagi dengan penemuan Rangka Perak Man yang sangat menarik dan penuh sejarah. Oleh itu, memang wajarlah Rangka Perak Man dikenali ramai.

Rangka Perak Man merupakan artifak yang sangat bernilai
84 responses




Rajah 4.1.20 : Rangka Perak Man merupakan artifak yang sangat bernilai

Graf di atas (rajah 4.1.20), jelas menunjukkan majoriti responden setuju bahawa Rangka Perak merupakan artifak yang sangat bernilai. Hal ini disokong dengan seramai 79 responden iaitu 94% setuju dengan kenyataan tersebut dan 4 responden iaitu 4.8% yang sangat setuju dengan kenyataan berikut. Seterusnya, hanya seorang responden iaitu 1.2% yang sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Selain itu, tiada sebarang responden bagi tidak pasti dan tidak setuju. Berdasarkan carta yang telah dihuraikan di atas, jelas menunjukkan responden setuju bahawa Rangka Perak Man merupakan artifak yang sangat bernilai. Hal ini dikatakan demikian kerana, rangka Perak Man merupakan artifak yang menyimpan seribu satu sejarah di dalamnya. Rangka Perak Man merupakan satu perjumpaan yang sangat bernilai kerana struktur tulangnya yang sangat unik dan keberedaan Perak Man yang menjadikan masyarakat berasa ingin tahu tentang sejarah kewujudannya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Rangka Perak Man perlu dipromosikan lebih luas untuk pengetahuan masyarakat
84 responses




Rajah 4.1.21 : Rangka Perak Man perlu dipromosikan lebih luas untuk pengetahuan masyarakat

Berdasarkan draf di atas (Rajah 4.1.21), jelas menunjukkan responden sangat setuju bahawa Rangka Perak Man perlu dipromosikan lebih luas untuk pengetahuan masyarakat dengan sebanyak 46 responden iaitu 54.8% yang sangat setuju dengan kenyataan tersebut dan 37 responden iaitu 44% yang setuju dengan kenyataan tersebut. Selain itu, hanya seorang responden iaitu 1.2% yang sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut manakala tiada seorang responden yang tidak pasti dan tidak setuju. Berdasarkan draf yang telah diolah pengakji, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa responden sangat setuju bahawa Rangka Perak Man perlu dipromosikan lebih luas untuk pengetahuan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, banyak lagi masyarakat yang kurang tahu atau kurang mengambil tahu tentang rangka Perak Man ini yang mempunyai pelbagai sejarah yang menarik boleh diambil melalui kajian yang dibuat ke atas Rangka Perak Man ini. Promosi ke atas Perak Man ini juga kurang dilakukan yang menyebabkan masyarakat kurang peka terhadap rangka Perak Man ini yang mempunyai seribu satu ilmu yang bermanfaat.

Adakah artifak bagi sesebuah tapak arkeologi dapat menarik minat pelancong?

105 responses




Rajah 4.1.22 : Adakah artifak bagi sesebuah tapak arkeologi dapat menarik minat pelancong

Berdasarkan rajah di atas (rajah 4.1.22), jelas menunjukkan responden sangat bersetuju dengan kenyataan yang telah dikemukakan oleh responden dalam borang soal selidik iaitu seramai 53 responden iaitu 50.5% sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut dan 50 responden iaitu 47.6% yang setuju. Seterusnya, responden yang tidak pasti dan sangat setuju mempunyai jumlah yang sama iaitu hanya seorang responden bersamaan 1% manakala tiada responden bagi tidak setuju. Berdasarkan carta yang telah dihuraikan, jelas menunjukkan majoriti responden sangat bersetuju bahawa artifak bagi sesebuah tapak arkeologi dapat menarik minat pelancong. Hal ini kerana, artifak merupakan satu elemen penting bagi sesebuah tapak Arkeologi. Artifak perlulah dijaga dengan baik dan dipromosikan dengan meluas untuk menarik minat pelancong. Artifak juga haruslah dilengkapi dengan detail yang jelas dan padat agar para pelancong dapat mengambil sesuatu yang bermanfaat daripada artifak yang telah dilihat kunjungi.

Rangka Perak Man dapat memberikan impak yang positif dari segi pelancongan di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong?

105 responses




Rajah 4.1.23 : Rangka Perak Man dapat memberikan impak yang positif dari segi pelancongan di Tapak Arkeologi Lembah Lenggong

